

Jenis Akhbar : Berita RTM

Tarikh : 26/12/2021

Edisi / Muka Surat : <http://berita.rtm.gov.my/>

Tajuk : ANGKASA prihatin, sedia bantuan RM30,000 kepada koperasi terjejas banjir

ANGKASA prihatin, sedia bantuan RM30,000 kepada koperasi terjejas banjir

December 26, 2021



LIPIS, 26 DISEMBER- Perniagaan koperasi yang terjejas akibat banjir layak menerima bantuan sehingga RM30,000.

Mereka boleh memohon kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di bawah Tabung Bantuan Bencana.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, permohonan boleh dibuat secara dalam talian kepada SKM.

Bantuan kewangan akan disalurkan tertakluk beberapa syarat, antaranya perlu membuat laporan polis dan gambar serta jumlah anggaran kerosakan tidak melebihi RM30,000.

Beliau berkata demikian selepas gotong-royong mencuci rumah penduduk terjejas banjir di Kampung Lubuk Kulit, Lipis, Pahang.